



**KENYATAAN RASMI  
KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA (KMUM) 2020**

---

**KENYATAAN KMUM SUSULAN KENYATAAN MEDIA OLEH PIHAK  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI PADA 31 JANUARI 2021**

Pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) mengambil maklum kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi pada 31 Januari 2021 berkenaan kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021.

Seperti yang dinyatakan dalam kenyataan tersebut, hanya 6 kategori pelajar sahaja yang boleh pulang ke kampus secara fizikal mulai 1 Mac 2021. Walaupun keputusan tersebut dibuat secara baik disebabkan jumlah peningkatan kes yang tidak menurun ini, pihak KMUM berpendapat bahawa terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan Universiti Malaya.

Oleh itu, pihak KMUM ingin memberikan cadangan berkenaan kemasukan pelajar ke kampus pada 1 Mac 2021 akan datang ini:

**1. Ujian ‘swab’ kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang akan pulang ke kampus.**

Pihak KMUM menggesa pihak Universiti Malaya memberi subsidi bagi ujian ‘swab’ kepada mahasiswa dan mahasiswi yang akan pulang ke kampus. Subsidi sebanyak RM70 atau RM50 di klinik kesihatan boleh diberikan kepada pelajar tetapi dengan syarat supaya pihak IPT masing-masing boleh mengeluarkan surat kebenaran untuk mahasiswa dan mahasiswi yang tinggal di Semenanjung untuk pulang ke kampus.

Kaedah alternatif yang lain juga adalah dengan pihak universiti mengambil inisiatif melakukan ‘mass testing’ dengan kaedah yang lebih murah seperti melalui Kit Ujian Pantas Antigen (RTK-Ag). Hasil semakan kami juga mendapati harga asas bagi setiap kit tersebut adalah dalam lingkungan RM37 sehingga RM40.

Perkara ini mampu untuk mengelakkan sebarang kluster kolej kediaman di dalam kampus.

## **2. Penginapan di Kolej Kediaman.**

Rentetan daripada wabak Covid-19 ini, pihak HEP telah mengambil langkah untuk mengurangkan kapasiti di sesetengah kolej kediaman bagi mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam membendung wabak ini.

Memandangkan KPT telah membenarkan 6 kategori pelajar untuk pulang ke kampus termasuk mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran yang tidak kondusif serta pelajar yang mempunyai bengkel, studio dan lain-lain, pihak KMUM ingin mencadangkan supaya HEP perlu merangka mekanisme pemilihan kolej yang baharu bagi memastikan pelajar-pelajar yang tergolong di dalam 6 kategori ini diutamakan dan mendapat tempat di dalam kolej kediaman. Sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berlanjutan, pengurusan universiti perlulah menyediakan surat kebenaran merentas negeri/daerah untuk kegunaan mahasiswa yang perlu pulang ke kampus menjelang pembukaan semester.

Dalam masa yang sama, bagi pelajar yang sedia ada di dalam kolej kediaman, pihak HEP serta Kolej Kediaman perlu memainkan peranan secara proaktif untuk menghubungi semua mahasiswa dan mahasiswi yang dapat kolej tetapi tidak “*check out*” untuk mengenal pasti sama ada pelajar-pelajar tersebut ingin tinggal di kolej atau tinggal di rumah. Inilah solusi paling ampuh dalam memaksimumkan ruang sedia ada bagi membenarkan mahasiswa yang lebih bekeperluan untuk mendapat penempatan di kolej kediaman.

KMUM juga ingin menegaskan keperluan permohonan kolej kediaman bagi mahasiswa yang mempunyai masalah ketercapaian internet dan suasana pembelajaran yang kondusif, urusan permohonan mereka hendaklah dipermudah dengan mengakas sesetengah tingkatan birokrasi yang dirasakan tidak perlu.

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih khusus perlu dirangka oleh pihak Universiti untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan ianya perlu dihasilkan dalam tempoh yang munasabah.

## **3. Fasiliti bagi pembelajaran atas talian.**

Pihak Universiti perlu memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap fasiliti yang digunakan oleh pelajar sepanjang pembelajaran atas talian bagi semester hadapan. Dengan kemasukan pelajar pada 1 Mac 2021, pihak Universiti perlu meningkatkan fasiliti seperti WiFi, pangkalan data atas talian dan lain-lain. Tambahan pula, pemberian laptop perlu disegerakan serta kad sim internet kepada mahasiswa

dan mahasiswi Universiti Malaya yang berada di rumah perlu diteruskan untuk memastikan tahap pembelajaran atas talian yang memuaskan.

Dengan ini, pihak KMUM juga ingin mencadangkan kepada pihak Universiti untuk mengekalkan perkhidmatan UM-CELCOM Data yang akan tamat pada 19 Februari 2021 menurut notis yang dikeluarkan oleh TNCA pada 31 Disember 2020. Berdasarkan surat tawaran berkenaan perkhidmatan ini, "pihak universiti boleh menamatkan perkhidmatan ini bergantung kepada keadaan wabak Covid-19 ini". Disebabkan pembelajaran akan diteruskan secara hibrid, penamatan perkhidmatan ini akan memberi kesan kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang bergantung kepada perkhidmatan ini sepanjang pembelajaran atas talian.

#### **4. Penyediaan senarai kursus & subjek yang akan diadakan secara bersemuka bagi semester hadapan.**

Berdasarkan kenyataan media pihak KPT pada 31 Januari 2021 berkenaan 6 kategori pelajar yang boleh pulang ke kampus, salah satu kategori adalah pelajar ijazah sarjana muda yang memerlukan aktiviti praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas. Menurut kenyataan ini, ini bermaksud pengajaran dan pembelajaran bagi semester depan adalah hibrid.

Oleh yang demikian, pihak KMUM ingin mencadangkan kepada pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) supaya mengadakan satu mesyuarat bersama semua Dekan, Ketua Jabatan dan lain-lain bagi setiap fakulti untuk mengenal pasti kursus atau subjek apa yang patut diadakan secara bersemuka dan mana kursus yang patut kekal diadakan secara atas talian.

Tambahan pula, pihak TNCA perlu meletakkan Tarikh akhir bagi setiap fakulti untuk menghantar dan menyenaraikan kursus dan subjek apa yang perlu diadakan secara bersemuka dengan segera. Ini bagi memudahkan dan melancarkan perancangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang perlu pulang ke kampus bagi semester hadapan dari segi penginapan, pergerakan pulang seperti tiket kapal terbang dan bas, dan lain-lain.

#### **Kesimpulan**

Akhir kata, KMUM berharap agar cadangan ini akan diterima dengan baik oleh pihak pengurusan Universiti Malaya. KMUM akan terus menyuarakan saranan, cadangan dan kritikan yang dilihat mencerminkan keperluan semasa rakan-rakan mahasiswa.

KMUM sentiasa bersedia membantu pentadbiran Universiti Malaya selagi mana keputusan dan tindakan yang diambil menguntungkan kebajikan dan kemaslahatan rakan-rakan mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT DEMI MAHASISWA

**Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya 2020**  
**4 Februari 2021**



**OFFICIAL STATEMENT  
UNIVERSITI MALAYA STUDENTS' UNION (UMSU) 2020**

---

**UMSU STATEMENT FOLLOWING THE MEDIA STATEMENT ISSUED BY THE  
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION ON 31 JANUARY 2021**

The University of Malaya Students' Union (UMSU) would like to refer to the media statement issued by the Ministry of Higher Education (MOHE) on 31 January 2021 regarding the returning of students into the campus starting 1 March 2021.

As mentioned in the statement, only 6 specific categories of students are allowed to physically return to campus from 1 March 2021. Although the decision was made amicably due to the increasing number of cases daily, the Union believes that there are some aspects that should be addressed by the management of the Universiti Malaya.

Therefore, the Union would like to propose several suggestions regarding the returning of students to campus starting from March 2021 as follows:

**1. Swab test for Universiti Malaya students who will return to campus.**

The Union urges the University to provide subsidies for swab tests to students who will be returning to campus. A subsidy of RM70 or RM50 at the health clinic can be given to students but with the condition that the respective IPTs (Higher Education Institution) can issue a letter of permission for students living in West Malaysia to return to campus.

Another alternative method is for the University to take the initiative to do mass-testing with cheaper alternatives such as through the Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag). Based on our findings, the standard cost for each kit is in the range of RM37 to RM40.

This would greatly help to avoid any clusters in the residential colleges on campus.

**2. Accommodation on campus.**

Following the COVID-19 pandemic, HEP (Student Affairs Division) has taken steps to reduce the capacity in some residential colleges to adhere with the SOP set by the Government in fighting the outbreak.

As MOHE has allowed only 6 categories of students to return to campus including students who do not have adequate internet access and unconducive learning environment as well as students who have laboratories, studios and others, the Union would like to suggest that HEP should formulate a new residential college placement selection mechanism to ensure that students who belong to these 6 categories are given the priority for placement. If the Movement Control Order (MCO) is to be adamantly continued, the University must provide a letter of permission for inter-state/district travel to be used by students who will be returning to campus by the opening of the semester.

At the same time, HEP and residential college administrations need to play a proactive role in contacting all students who has a place in residential college but did not performed the check-out process to identify whether the students wish to stay in college or at home. This is the most viable solution in maximizing the space for students who are more in need of a placement.

The Union would also like to emphasize the need for residential college application process for students who have difficulties with internet access and a conducive learning environment to be less bureaucratic and more direct.

A specific and detailed Standard Operating Procedure (SOP) should be formulated by the University to avoid any confusion and it should be outlined within a reasonable period.

### **3. Facilities for online learning.**

The University needs to play an important role in improving the facilities utilised by students throughout the online learning session for the upcoming semester such as Wi-Fi, online database and others. In addition, the necessary facility aid such as laptop as well as free internet sim cards for Universiti Malaya students at home should be continued to ensure a satisfactory level of online learning.

With this, the Union would also like to suggest to the University to continue the UM-CELCOM Data plan which will expire on 19 February 2021 according to the notice issued by TNCA on 31 December 2020. As learning will continue in a hybrid manner, the termination of this service will affect the students of Universiti Malaya who rely on this service throughout their online learning session.

#### **4. Preparation on the list of courses & Subjects to be held physically for the upcoming semester.**

Based on the media statement issued by MOHE on 31 January 2021 regarding the 6 categories of students who are allowed to return to campus, one of the categories is undergraduate students who will undergo practical activities, laboratory, clinical, studios, workshops and others. According to this statement, this means that teaching and learning for the upcoming semester will be a hybrid session.

Therefore, the Union would like to suggest to the Deputy Vice-Chancellor (Academic & International) to hold a meeting with all the Deans, Heads of Department and others for each faculty to identify what courses or subjects that should be held physically and which courses should stay online.

In addition, the TNCA needs to set a due date for each faculty to submit the list of courses and subjects that will be held physically. This is to facilitate students of Universiti Malaya to plan their return to campus for the next semester in terms of accommodation, plane and bus tickets, and others.

#### **Conclusion**

UMSU hopes that this proposal will be well received by the management of the Universiti Malaya. The Union will continue to voice suggestions, proposals and criticisms that are seen to reflect the current needs of fellow students. The Union would always be ready to assist the administration of the Universiti Malaya as long as the decisions and actions taken are beneficial to the welfare and well-being of fellow students.

SERVING THE STUDENTS

**Universiti Malaya Students' Union 2020**

**4 February 2021**